


PERATURAN KESELAMATAN

Membuat Pintasan Kawalan Keselamatan


Dapatkan kebenaran sebelum membatalkan atau menyahaktifkan peralatan kritikal keselamatan.



- Saya faham dan menggunakan alat keselamatan dan prosedur yang sesuai untuk tugas saya
- Saya mendapatkan kebenaran sebelum:
 - memintas atau menyahaktifkan peranti keselamatan
 - berubah dari prosedur ditetapkan
 - melintasi halangan

Ruang Terkurung

Mendapatkan kebenaran sebelum memasuki Ruang Terkurung



- Saya memastikan bahawa sumber tenaga telah diasingkan
- Saya memastikan bahawa kandungan udara telah diuji dan dipantau
- Saya memeriksa dan menggunakan alat pembantu pernafasan bila diperlukan
- Saya memastikan ada seorang petugas yang bersiap sedia
- Saya mengesahkan ada pelan penyelamat
- Saya mendapatkan kebenaran untuk masuk

Memandu

Mematuhi peraturan pemanduan yang selamat



- Saya sentiasa memakai tali pinggang keledar
- Saya tidak melebihi had kelajuan, dan mengurangkan kelajuan mengikut keadaan jalan raya
- Saya tidak menggunakan telefon bimbit atau mengendalikan peranti lain semasa memandu
- Saya sihat, cukup rehat dan sentiasa waspada semasa memandu
- Saya mengikuti peraturan pengurusan perjalanan

Pengasingan Tenaga

Sahkan pengasingan dan sifar tenaga sebelum kerja bermula



- Saya telah mengenal pasti semua sumber tenaga
- Saya mengesahkan bahawa sumber tenaga berbahaya telah diasingkan, dikunci dan ditandakan
- Saya telah pastikan sifar tenaga dan diuji untuk tenaga sisa atau tersimpan

Kerja Panas

Kawal bahan mudah terbakar dan sumber pencucuhan



- Saya mengenal pasti dan mengawal sumber pencucuhan
- Sebelum memulakan kerja panas:
 - Saya mengesahkan bahan mudah terbakar telah dikeluarkan atau diasingkan
 - Saya mendapat kebenaran
- Sebelum memulakan kerja panas di kawasan berbahaya
 - ujian gas telah dilaksanakan
 - gas akan dipantau secara berterusan

Jalur / Kawasan Bahaya

Jauhkan diri anda dan orang lain dari jalur / kawasan bahaya



- Saya memastikan diri saya di kawasan selamat untuk mengelakkan:
 - Objek bergerak
 - Kenderaan:
 - Pelepasan tekanan
 - Objek Jatuh
- Saya memagar dan mematuhi zon halangan dan pengecualian
- Saya mengambil tindakan untuk memastikan sebarang objek yang boleh terjatuh, diikat/disimpan kemas dan melaporkan potensi objek jatuh

Kerja Angkat Yang Selamat

Merancang kerja mengangkat dan memantau kawasan tersebut



- Saya memastikan peralatan mengangkat dan beban telah diperiksa dan berfungsi dengan baik
- Saya hanya mengendalikan peralatan yang layak untuk saya kendalikan
- Saya memagar dan mematuhi zon halangan dan pengecualian
- Saya tidak akan berjalan di bawah beban tergantung

Kebeneran Kerja


Bekerja dengan permit yang sah apabila diperlukan



- Saya telah mengesahkan jika permit diperlukan
- Saya diberi kuasa untuk melaksanakan kerja tersebut
- Saya faham isi kandungan permit
- Saya telah mengesahkan bahawa bahaya telah dikawal dan selamat untuk memulakan kerja
- Jika keadaan berubah, kita akan berhenti dan menilai semula

Bekerja Di Tempat Tinggi

Lindungi diri anda daripada terjatuh semasa bekerja di tempat tinggi.



- Saya memeriksa peralatan perlindungan jatuh sebelum digunakan
- Saya mengikat peralatan dan bahan kerja untuk mengelakkan objek jatuh
- Saya mengikat 100% ke titik utama yang diluluskan apabila di luar kawasan selamat.